

BAB DUA

BAB DUA

JAMINAN DAN KEPENTINGAN KONTRAK INSURANS

A. Jaminan Kerugian Di Dalam Insurans

Perbincangan di dalam tajuk ini akan melihat sejauh manakah kontrak insurans merupakan satu kontrak jaminan kerugian dan adakah prinsip kepentingan insurans telah berjaya di dalam usaha mencegahnya daripada menjadi pertaruhan atau perjudian.

Jaminan kerugian bererti perlindungan daripada kerugian. Ini bermakna pihak yang diinsuranskan menjamin dirinya daripada sebarang kerugian tanpa niat untuk mencari untung.¹

Halsbury's Statutes of England berkata jaminan kerugian bermaksud pihak yang diinsuranskan boleh mendapat bayaran gantiian daripada penanggung insurans tidak lebih daripada jumlah sebenar kerugian kewangannya. Tetapi dari segi amalan masa kini tidak selalunya kes seperti ini.²

¹ Afzalur Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, jil. 4, terjemahan Osman Ahamad dan Mazni Othman, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hal. 92.

² *Halsbury's Statutes Of England*, ed. tiga, jil. 13, Butterworths, London, hal. 17.

Menurut prinsip jaminan terhadap kerugian, pihak yang diinsuranskan berhak menuntut ganti rugi hanya pada kadar kerugiannya yang tertentu sahaja dan tidak boleh lebih daripada itu. Dia tidak boleh menerima sebarang bayaran wang yang melebihi nilai sebenar kerugiannya dalam apa jua keadaan. Tetapi pada amalannya yang sebenar, pihak yang diinsuranskan jarang mendapat kembali bayaran penuh yang bersamaan dengan nilai kerugiannya yang telah dijamin. Oleh sebab itu, bukanlah satu prinsip yang umum atau amalan yang biasa di dalam perniagaan insurans untuk membenarkan pihak yang diinsurans menerima ganti rugi yang melebihi daripada kerugiannya walaupun polisi-polisi mereka telahpun dinilai.³

Semua kontrak insurans adalah dianggap kontrak jaminan kepada kerugian kecuali kontrak:

- a. Insurans nyawa
- b. Insurans kemalangan peribadi dan sakit.⁴

Selain daripada dua pengecualian yang disebutkan ini, kata Picard, undang-undang tidak membenarkan kontrak insurans berlaku melainkan ditafsirkannya sebagai kontrak jaminan kerugian, iaitu yang diinsuranskan berhak mendapat gantirugi tetapi tidaklah lebih daripada kerugian sebenarnya. Dia tidak boleh mendapat gantian daripada penanggung insurans jumlah yang lebih banyak daripada nilai kerugiannya.⁵

³ Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 94.

⁴ Muslehuddin, Mohammad, *Insurans dan Hukum Islam*, terjemahan Izuddin Haji Mohamed dan Abdul Rahman Rukaini, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 37.

⁵ Picard, M.P., *Elements of Insurans*, Butterworths, London, 1939, hal. 406-407.

Berkenaan dua pengecualian yang disebut di atas tadi, Gutteridge berkata, kontrak-kontrak asuransi nyawa bukanlah kontrak jaminan kerugian. Ia lebih merupakan kontrak untuk membayar sejumlah wang yang telah ditetapkan pada masa-masa yang tertentu. Di bawah konsep polisi ternilai, apabila nilai sesuatu perkara yang diinsuranskan telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak, sebarang kerugian yang berlaku atas perkara itu dan biasanya melebihi daripada nilai sebenarnya. Sebaliknya, jika nilai sebenar kerugiannya melebihi daripada nilai yang dijamin oleh pihak penginsurans, pihak yang diinsurans tidak boleh menuntut lebih nilai itu.⁶

Smith juga berpendapat kontrak asuransi nyawa bukanlah kontrak tentang jaminan kerugian, iaitu kontrak untuk membayar sejumlah tertentu bagi kejadian yang khusus. Kontrak asuransi laut juga bukan selalunya merupakan kontrak jaminan kerugian yang mutlak, iaitu yang diinsuranskan boleh mendapat gantian lebih atau kurang daripada jumlah yang ia patut mendapat gantirugi yang sebenarnya. Oleh itu di bawah polisi ternilai, apabila sesuatu barang yang telah diinsuranskan, maka pihak yang diinsuranskan itu, sekiranya diinsuranskan sepenuhnya, akan mendapat kembali jumlah sebagaimana yang telah dipersetujui atau mungkin juga melebihi nilai sejati barang yang rugi itu. Sebaliknya, nilai barang yang rugi itu mungkin melebihi nilai yang dipersetujui, tetapi pihak yang diinsuranskan tidak akan mendapat kembali lebih daripada jumlah yang diinsuranskan hanya dengan alasan yang barang itu diinsuranskan dan membayar premium.⁷

⁶ Gutteridge, H.C., (ed.), *Smith's Mercantile Law*, Heinemann, London, 1931, hal. 406-407.

⁷ Dipetik daripada Ibid., hal. 407.

Emmanual sebaliknya pula tidak bersetuju dengan pengecualian terhadap kontrak insurans nyawa dan kemalangan peribadi dan mengatakan polisi-polisi insurans yang sepatutnya berbentuk kontrak jaminan kerugian telah melanggar undang-undang insurans dan sekaligus menunjukkan bahawa ia bukan kontrak jaminan kerugian. Kata beliau, jelas sekali, dalam polisi ternilai, pihak yang diinsurans mendapat ganti rugi yang lebih berbanding dengan nilai kerugiannya yang sebenar sehingga menyelewengkan undang-undang insurans sebagai satu kontrak jaminan kerugian.⁸

Bahkan *Halsbury's Statutes of England* juga tidak bersetuju bahawa kontrak insurans adalah kontrak jaminan kerugian kerana pihak yang diinsuranskan mungkin mendapat untung daripada polisi bernilai dan mungkin rugi apabila tidak dinilai.⁹ Katanya, selalunya dalam polisi dinilai (iaitu polisi yang butir-butir nilai yang dipersetujui tentang kandungan yang diinsuranskan) maka pihak yang diinsuranskan mungkin akan mendapat gantian lebih daripada kerugiannya yang sebenar, sedangkan polisi tidak dinilai untuk barang, dia mungkin mendapat gantian yang kurang.¹⁰ Walaupun begitu para penyokong insurans seperti Cockerell berpendapat apa yang berlaku ini tidaklah bertentangan dengan prinsip asas jaminan kerugian kerana kedua-dua pihak hanya bersetuju untuk menetapkan jumlah bayaran jaminan di permulaan kontrak, bukannya dibuat selepas kerugian itu berlaku.¹¹

⁸ Emmanual, M.R., *Insurance Law, Theory and Practice*, Sweet & Maxwell, London, 1931, hal. 41.

⁹ *Halsbury's Statutes Of England*, *op. cit.*, hal. 18.

¹⁰ *Ibid.*, jil. 13, hal. 17.

¹¹ Cockerell, H.A.L., *The British Insurance Business 1547-1970: An Introduction And Guide To Historical Records*, Heinemann Educational, London, 1976, hal. 19.

Seterusnya Cockerell mempertahankan bahawa kontrak insurans adalah kontrak jaminan kerugian dengan katanya, prinsip jaminan tidak dilanggar dan apa yang dipersetujui oleh pihak penginsurans juga merupakan satu bentuk kontrak jaminan. Perbezaannya ialah persetujuan itu dibuat pada masa kontrak itu bermula dan bukannya selepas kerugian itu berlaku.¹²

Pendapat ini tidak disetujui oleh Mohammad Muslehuddin, setelah beliau membahaskan hujah-hujah yang disebutkan di atas, dan menegaskan bahawa adalah cukup jelas kontrak insurans bukanlah kontrak tentang jaminan kerugian sebagaimana yang disangkakan. Sebaliknya ia adalah suatu kontrak di mana penanggung insurans (*insurer*) atau dalam insurans laut disebut *underwriter*, bersetuju dengan perhitungan sejumlah wang (disebut *premium*) untuk membayar sejumlah wang kepada pihak lain (disebut pihak yang diinsuranskan) kerana berlakunya satu peristiwa yang tertentu (yang terkandung dalam kontrak).¹³

Seterusnya Muslehuddin memetik kata-kata *Halsbury's Statutes of England* yang mengatakan peristiwa atau risiko yang ditentukan dalam kontrak insurans adalah sesuatu yang tidak pasti.¹⁴ *Halsbury's Statutes of England* juga menyimpulkan bahawa suatu kejadian yang berlaku akan membawa keuntungan kewangan kepada pihak yang diinsuranskan dalam bentuk bayaran gantirugi. Bayaran itu mungkin melebihi kerugian sebenar. Sebaliknya apabila tidak berlaku suatu kejadian atau risiko, penanggung

¹² Ibid., hal. 17.

¹³ Muslehuddin, Mohammad, *op. cit.*, hal. 39.

¹⁴ Ibid.

insurans akan mendapat bayaran iaitu premium. Dalam konteks ini, dan hasil daripada peristiwa yang ditentukan, boleh dikatakan bahawa kontrak insurans ialah satu persetujuan yang kedua-dua pihak berjanji untuk membayar wang atau apa yang senilai dengannya kepada satu pihak lagi berdasarkan kepada sesuatu peristiwa yang tidak pasti. Ini merupakan definisi yang tepat tentang suatu pertaruhan judi.¹⁵

Kenyataan ini disokong oleh Afzalur Rahman. Beliau menolak pendapat Cockerell yang mengatakan prinsip jaminan kerugian di dalam kontrak insurans tidak dilanggar. Bagi beliau, pihak penginsurans telah menetapkan sesuatu yang tidak wujud pada masa akan datang dan tidak ada satu cara yang saintifik untuk menentukan kedudukan kerugian itu. Dengan kata lain, pihak penginsurans cuba menentukan sesuatu yang tidak dapat ditentukan sekarang dan menggantikan sesuatu yang tidak pasti dengan yang pasti. Perbuatan ini menurut Afzalur Rahman, adalah jelas melanggar prinsip jaminan.¹⁶

Seterusnya Afzalur Rahman memberikan contoh pelanggaran prinsip jaminan kerugian seperti yang berlaku dalam kontrak-kontrak insurans nyawa dan kemalangan di mana pihak yang diinsuranskan menerima bayaran gantirugi yang lebih atau kurang berbanding dengan kerugian sebenar. Manakala perkara yang diinsuranskan itu memang bersifat tidak pasti. Apabila ini berlaku, ia akan memberi faedah kewangan kepada pihak yang diinsuranskan, hasil daripada bayaran pampasan ganti rugi yang melebihi dari

¹⁵ *Halsbury's Statutes of England, op. cit.*, hal. 17.

¹⁶ Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 95.

kerugian sebenar. Sebaliknya jika kejadian itu tidak berlaku, pihak penginsurans pula yang mendapat keuntungan percuma dari bayaran premium. Oleh yang demikian, kontrak insurans tidak berbeza dari pertaruhan kerana dalam pertaruhan satu pihak membayar sejumlah wang kepada pihak kedua untuk sesuatu keputusan yang tidak pasti.¹⁷

Tajuk seterusnya akan menganalisis tentang kepentingan insurans dan melihat adakah peruntukan undang-undang berjaya di dalam mempertahankan bahawa kontrak insurans bukannya pertaruhan judi.

B. Insurans Dan Perjudian

Tujuan perjudian adalah untuk bersuka-suka dan sepenuhnya bergantung kepada nasib.¹⁸ Undang-undang lazim Inggeris telah cuba untuk memberi takrifan apakah perjudian itu. Dalam kes *Carlil vs. The Carbollic Smoke Ball*¹⁹, kontrak perjudian atau pertaruhan ditakrifkan sebagai:

¹⁷ Ibid., hal. 95. Akhirnya Afzalur Rahman membuat kesimpulan bahawa alasan yang mengatakan kontrak insuran sama dengan kontrak jaminan kerugian adalah tidak benar. Pihak penginsurans hanya bersetuju untuk membuat bayaran yang tertentu kepada pihak yang diinsuranskan sebagai balasan bayaran premium. Jumlah gantirugi yang dibayar itu boleh jadi lebih banyak daripada kerugian yang sebenarnya atau kurang daripada kerugian sebenarnya. Sebaliknya, jika kejadian itu tidak berlaku, pihak penginsurans mendapat keuntungan semata-mata daripada bayaran premium bagi tanggungan risiko itu. Ibid., hal. 96.

¹⁸ Siddiqi, Muhammad Nejatullah, *Insurans Dalam Ekonomi Islam*, terjemahan Ilyas Ismail, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hal. 17. Buku ini asalnya dalam bahasa Inggeris berjudul *Insurance in an Islamic Economy*, edisi pertama, 1985, terbitan The Islamic Foundation. Leicester.

¹⁹ [1892] 2 Q.B. 484.

“a wagering contract is one by which two person, professing to hold opposite views touching the issue of a future uncertain event, mutually agree that, dependent upon the determination of that event, one shall win from the other, and that other shall pay or hand over to him a sum of money or other stakes, neither of the contracting parties having any interest in the contract than the sum or stake he will so win or lose, there being no other real consideration for the making of the contract by either parties. It is essential to a wagering contract that each party may under it either win or lose, whether he will win or lose dependent on the issue of event, and therefore, remaining uncertain until that issue is known. If either of the parties may win but cannot lose or may lose but cannot win, it is not wagering contract.”

Mengikut takrif ini, jelaslah bahawa kontrak insurans itu tidak sama dengan kontrak perjudian atau pertaruhan, kerana jika ia adalah kontrak perjudian, sudah tentu undang-undang Inggeris akan melarangnya.²⁰

Secara umumnya, memang agak sukar untuk membezakan di antara insurans dan perjudian kerana kedua-kedua perkara itu nampak serupa sahaja. Menurut Cockerell, seseorang yang tidak biasa tentulah tidak dapat membezakan di antara kedua-dua perkara ini. Seorang kaki lumba kuda misalnya, membayar sejumlah wang kepada broker dan broker berjanji akan memberikan sejumlah wang yang lebih banyak jika kuda yang

²⁰ Ahmad Hidayat Buang, Takaful: “Akad Insurans atau Mudarabah,” *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, jil. 4, bil. 1, Januari, 1996, hal. 145-146.

dipertaruhkannya itu menang dalam perlumbaan. Orang yang tidak biasa dengan perbezaan di antara kedua-dua perkara ini tentu akan bertanya, bagaimanakah kelakuan seorang broker itu boleh berlainan dengan kelakuan seorang penginsurans yang menerima bayaran premium insurans kebakaran sebagai perlindungan daripada sebarang risiko kebakaran, dan penginsurans ini kemudian akan membuat bayaran yang lebih banyak jika rumah yang diinsuranskan itu rosak atau musnah? Insurans berbeza dengan perjudian kerana insurans hanya boleh dibuat jika wujudnya kepentingan untuk insurans, iaitu pihak yang diinsuranskan mempunyai kepentingan tertentu dalam perkara yang diinsuranskan itu. Dengan sebab dia mempunyai kepentingan terhadap rumah itu, dia akan menanggung kerugian jika berlaku sesuatu bencana terhadap rumah itu. Tanpa kepentingan ini, insurans tidak ada bezanya dengan perjudian dan tidak boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang.²¹

Perbezaan asas di antara insurans dan perjudian tidak dipedulikan pada masa dahulu kerana tidak ada undang-undang yang mengawal amalan perjudian dan pertaruhan di dalam sistem perundangan Inggeris terhadap orang yang mempunyai kepentingan insurans.²²

Akta Insurans Nyawa 1774 (*Life Assurance Act 1774*) telah diluluskan di England bagi tujuan menghapuskan amalan-amalan kotor di dalam perniagaan insurans. Akta ini menekankan pentingnya kepentingan untuk insurans dalam kontrak insurans tetapi ia

²¹ Cockerell, H.A.L. *op. cit.*, hal. 3.

²² Holder, E.A., *Houseman's Law of Life Assurance*, edisi ke sembilan, Butterworths, London, 1978, hal. 16. Masalah ini membawa kepada amalan perjudian dan pertaruhan yang dilakukan secara tersembunyi dalam perniagaan insurans.

gagal memberikan definisi bagi sifat-sifat sesuatu kepentingan untuk insurans itu. MacGillivray menyatakan bahawa undang-undang *Common Law of England* masih tidak mengharamkan sebarang urusan pertaruhan atau ketentuan mengenai nama orang yang dimasukkan ke dalam polisi-polisi insurans. Wang yang dimusnahkan oleh api dianggap sebagai barangan mengikut tafsiran akta tersebut, dan polisi yang menjamin wang itu daripada sebarang risiko rompakan atau pecah rumah tidak termasuk dalam lingkungan akta tersebut.²³

Menurut Colinvaux, tidak ada di dalam *Common Law of England* yang melarang mereka daripada mempunyai kepentingan dalam insurans serupa ini, dan bertaruh tidak dilarang oleh undang-undang England sebelum campurtangan oleh badan perundangan. Pertaruhan sama sekali tidak salah dan tidak dianggap kesalahan oleh mahkamah.²⁴

Bagi mendapat keterangan yang lebih jelas, di sini diperturunkan terjemahan Akta Insurans Nyawa 1774 untuk melihat sejauh manakah usaha untuk menghapuskan perjudian dan pertaruhan dalam kontrak insurans telah mencapai kejayaan. Akta ini mengandungi empat seksyen sahaja:

1. Bahawasanya daripada dan selepas berlakunya Akta ini tidak ada insurans akan dibuat oleh mana-mana orang atau orang-orang, pertubuhan politik atau perbadanan, atas nyawa, atau nyawa-nyawa mana-mana orang atau

²³ MacGillivray, E.J., *MacGillivray On Insurance Law Relating To All Risks Other Than Marine*, edisi kelima, Sweet & Maxwell, London, 1991, hal. 431-434.

²⁴ Colinvaux, Raoul P., *The Law of Insurance*, ed. tiga, Sweet & Maxwell, London, 1970, hal. 36.

orang-orang, atau mana-mana peristiwa atau peristiwa-peristiwa apa pun, dari segi mana jua seseorang atau orang-orang yang mengguna manfaat, atau bagi siapa akaun polisi atau polisi-polisi serupa itu akan dibuat, tidak akan ada kepentingan, atau dengan cara berjudi atau bertaruh; dan bahawasanya tiap-tiap insurans yang dibuat bertentangan dengan niat suci dan maksud dan tidak sah kepada semua niat suci dan maksud apa jua pun.

2. Adalah tidak sah untuk membuat mana-mana polisi atau polisi-polisi bagi nyawa atau nyawa-nyawa mana-mana orang atau orang-orang, atau peristiwa atau peristiwa-peristiwa lain, tanpa memasukkan ke dalam polisi atau polisi-polisi serupa itu nama orang atau nama orang-orang yang berkepentingan di tempat itu, atau bagi yang mengguna, mengambil faedah atau atas akaun siapa polisi itu maka dibuat atau dipertanggungjawabkan.
3. Dalam semua kes di mana yang diinsuranskan mempunyai kepentingan dalam (insurans) nyawa atau nyawa-nyawa, peristiwa atau peristiwa-peristiwa, tidak akan mendapat jumlah bagi bayaran kembali atau penerimaan daripada penanggung insurans atau penanggung-penanggung insurans lebih dari jumlah nilai kepentingan pihak yang diinsuranskan dalam insurans nyawa atau nyawa-nyawa, atau peristiwa-peristiwa lain.

4. Dengan syarat bahawa tidak ada mengandungi apa-apa di dalamnya yang akan memperluaskan atau ditafsirkan untuk memperluaskan *bona fide* insurans yang dibuat oleh mana-mana orang atau orang-orang ke atas kapal, barang, atau dagangan, tetapi tiap-tiap insurans akan jadi sah dan berkesan kepada undang-undang sebagaimana kalau Akta ini tidak dibuat.²⁵

1. Akta Insurans Nyawa 1774 Dan Komentari

Menurut Picard, seksyen 1 dan 2 menunjukkan bahawa Akta ini menghendaki nama orang yang mendapat faedah daripada polisi itu dimasukkan ke dalam kontrak insurans, sedangkan seksyen 3 digunakan kepada insurans lain di samping insurans nyawa dengan satu syarat iaitu tidak akan ada jumlah gantian yang lebih daripada jumlah atau nilai kepentingan bagi pihak yang diinsuranskan. Dan insurans yang dibuat ke atas kapal, barang dan dagangan adalah dikecualikan (maksudnya tidak diliputi) di dalam seksyen 4.²⁶

Menurut Holder, Akta ini memperuntukkan bahawa jumlah yang akan dibayar di bawah polisi insurans tidak boleh melebihi daripada jumlah atau nilai kepentingan yang diinsuranskan, tetapi penguatkuasaan peruntukan ini banyak mengalami perubahan

²⁵ Dipetik daripada MacGillivray, E.J., *op. cit.*, hal. 201.

²⁶ Picard, M.P. *Elements of Insurance Law*, Butterworths, London, 1939, hal. 10.

apabila telah menjadi kebiasaan undang-undang yang polisi asuransi nyawa bukanlah satu perjanjian tentang jaminan kerugian.²⁷

Holder juga mengatakan walaupun Akta ini memperuntukkan bahwa polisi asuransi yang dilaksanakan tanpa wujudnya kepentingan boleh asuransi adalah tidak sah dan batal, ia tidak mengenakan apa-apa hukuman dan melakukan asuransi seperti ini bukan satu jenayah di sisi undang-undang. Syarikat boleh memberikan alasan kekurangan kepentingan boleh asuransi di dalam menentang tuntutan kerugian. Bagaimanapun syarikat boleh mengeneipkan pembelaan itu dan jika ia melakukan demikian, hak harta benda dalam polisi itu akan ditentukan mengikut pertimbangan sendiri tanpa terikat dengan undang-undang.²⁸

Akta ini juga tidak menyebutkan hukuman yang akan dikenakan terhadap seseorang yang sengaja tidak mengendahkan syarat-syarat polisi asuransi yang dinyatakan. Ini menunjukkan pelanggaran syarat-syarat itu tidak dianggap sebagai satu kesalahan jenayah.²⁹

Kesimpulannya, Akta Insurans Nyawa 1774 dalam setiap keadaan gagal dalam percubaannya untuk menghapuskan perbuatan bertaruh. Sekiranya sesuatu polisi asuransi itu sah pada permulaannya, ia kemudiannya tidak boleh dibatalkan semata-mata dengan menyerahkan kesnya kepada seseorang yang tidak ada kepentingan asuransi, tetapi hanya

²⁷ Lihat Holder, E.A., *Houseman's Law of Life Assurance*, Butterworths, London, 1937, hal. 16.

²⁸ Ibid., hal. 27-28.

²⁹ Ibid., hal. 28.

mengambilnya atas tujuan spekulasi.³⁰ Spekulasi bermakna seseorang yang tidak ada kepentingan dalam kehidupan orang lain akan memperoleh suatu kepentingan yang besar di atas kematiannya (orang itu). Inilah kegagalan Akta ini untuk mencegah perbuatan bertaruh di bawah kepura-puraan insurans. MacGillivray mengatakan polisi insurans itu tidak boleh dibatalkan walaupun ia dipindahkan kepada orang lain yang tidak mempunyai kepentingan, tetapi mengambilnya semata-mata untuk tujuan spekulasi.³¹ Keadaan ini berlaku apabila seseorang itu memperoleh keuntungan yang besar daripada kematian orang lain, walaupun ia tidak mempunyai sebarang kepentingan pada nyawa orang itu. Ini menunjukkan bahawa pertaruhan masih dipraktikkan di dalam perniagaan insurans, dan akta tersebut gagal menghapuskannya.³²

2. Akta Judi 1845 (*Gaming Act 1845*) Dan Komentaran

Seterusnya kajian ini akan melihat sama ada Akta Judi 1845 (*Gaming Act 1845*) dapat menghapuskan pertaruhan yang wujud di dalam kontrak insurans. Jika sekiranya Akta Insurans Nyawa 1774 gagal menghapuskannya, adakah Akta Judi 1845 berjaya membendungnya?

Berikut diperturunkan terjemahan seksyen 18 Akta Judi 1845:

³⁰ Picard, M.P., *op. cit.*, hal. 22.

³¹ MacGillivray, E.J., *op. cit.*, hal. 494-495.

³² *Ibid.*

“...Dan dijadikan undang-undang iaitu semua kontrak dan persetujuan sama ada dengan *parole* atau dengan tulisan secara perjudian atau pertaruhan, menjadi sah dan tidak batal; dan bahawasanya tidak akan boleh membawa guaman atau membela di mana-mana mahkamah atau keadilan bagi mendapat kembali beberapa jumlah wang atau benda bernilai yang mengatakan akan memenangi atas mana-mana perbuatan bertaruh, atau yang akan dijadikan simpanan dalam tangan mana-mana orang untuk tujuan menunggu perlawanan bertaruh. Selalunya diisytiharkan bahawa akta ini tidak akan dianggap untuk digunakan kepada mana-mana yuran atau caruman, atau persetujuan untuk membayar yuran atau caruman, untuk atau terhadap mana-mana *plet*, hadiah atau sejumlah wang anugerah kepada pemenang atau pemenang-pemenang dari mana-mana perjudian, sukan, permainan atau yang diharus oleh undang-undang.”³³

Akta ini mengisytiharkan bahawa semua kontrak dan perjanjian yang bercirikan perjudian sebagai haram tanpa memberikan definisi maksud perjudian itu. Masalah ini diakui oleh Street yang mengatakan kebanyakan kekeliruan yang disebabkan oleh Akta ini ialah kegagalannya mendefinisikan perjudian dengan jelas. Akibatnya, mahkamah-mahkamah mengambil alih tugas memberikan tafsiran syarat-syarat dan frasa-frasa bagi mengenal pasti sama ada sesuatu fakta kes itu termasuk dalam skop perjudian atau tidak.³⁴

³³ Ibid., hal. 988.

³⁴ Street, H.A., *Law of Gaming*, Sweet & Maxwell, London, 1937, hal. 110.

Street juga berhujah bahawa polisi insurans sangat susah untuk dibezakan dengan pertaruhan. Apabila kontrak insurans itu bukan berbentuk tebus rugi, kerugian dan keuntungan nampak nyata, tetapi apabila kontrak itu bersifat tebus rugi, operasi Akta Judi 1845 itu jika diaplikasikan hanya membatalkan kontrak itu jika kerugian yang dialami itu membawa keuntungan.³⁵

Seterusnya Street menyenaraikan empat perbezaan di antara perjudian dan kontrak tebus rugi (insurans):

- a. Bayaran yang dibuat oleh pihak penginsurans adalah sebagai tebus rugi tetapi orang yang menerima ganti rugi menganggapnya sebagai keuntungan atau perolehan. Tidak dapat dinafikan bahawa ia adalah sebagai perolehan semula.
- b. Jika seseorang itu bertaruh bahawa dia akan mendapat untung atau rugi di dalam insurans, kontrak itu dianggap sebagai satu pertaruhan.
- c. Kehilangan premium tidak dipengaruhi oleh hasilnya tetapi sebaliknya dalam kes-kes kopun; dan

³⁵ Ibid.

- d. Insurans tidak memenangi premium itu, tetapi perkara ini tidak dapat diyakini. Setiap polisi insurans menggambarkan seorang penjudi yang secara umumnya membaharui polisinya dari setahun ke setahun.³⁶

Selanjutnya beliau mengatakan perbezaan di antara insurans dan perjudian hanyalah masalah kajian ilmiah semata-mata. Perkara ini dikaji bukan untuk dikuatkuasakan dalam kontrak dan dengan itu ia tidak dianggap sebagai pertaruhan berdasarkan Akta Judi 1845. Kontrak ini mestilah sesuai dengan prinsip-prinsip *Common Law of England* dan insurans jenis spekulasi ini telah terselamat daripada peraturan-peraturan perjudian.³⁷

MacGillivray ketika membahaskan tajuk ini berpendapat akta ini hanya berkaitan dengan perjudian dan pertaruhan dan tidak ada rujukan mengenai insurans atau pertaruhan untuk insurans di dalamnya.³⁸

Kesimpulannya, akta ini tidak mendefinisikan dengan jelas takrif perjudian atau pertaruhan yang menyebabkan polisi-polisi insurans tidak dapat dibezakan dengan pertaruhan. Akta ini gagal mengharamkan polisi-polisi insurans yang berbau perjudian malah dibolehkan jika polisi itu dikeluarkan di bawah undang-undang *Common Law*. Oleh yang demikian, Akta Judi 1845 hanya membatalkan kontrak-kontrak yang dibuat secara perjudian atau pertaruhan tanpa menghapuskannya sama sekali. Oleh sebab itu

³⁶ Ibid., hal. 120-121.

³⁷ Ibid., hal. 122.

³⁸ MacGillivray, *op. cit.*, hal. 442.

orang-orang yang terlibat dengan perjudian tidak boleh didakwa di bawah undang-undang ini.³⁹ Dari keterangan di atas, jelas menunjukkan kontrak insurans tidak dirangkumi oleh Akta Judi ini. Oleh yang demikian tidak ada hukuman yang boleh dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan bertaruh di dalam insurans.⁴⁰

3. Persamaan di Antara Insurans Dan Perjudian

Muhammad Nejatullah Siddiqi mempertahankan kontrak insurans dengan mengatakan ia tidak sama dengan judi dan menolak pendapat penulis-penulis lain yang menganggap insurans adalah satu bentuk perjudian. Menurut beliau keburukan judi terletak pada tindakan seseorang penjudi yang mencuba nasib melalui pertaruhan dan seumpamanya tanpa memikirkan risiko yang wujud. Ini berbeza dengan insurans. Terjadinya risiko dan kesan yang menyebabkan pembeli insurans cuba mendapatkan perlindungan, tidaklah bergantung kepada keadaan sama ada terjamin ataupun tidak. Kebanyakan usaha yang normal dan aktiviti ekonomi yang biasa, penuh dengan risiko yang tidak boleh diatasi semuanya oleh apa saja kaedah selain insurans. Contoh yang paling nyata sekali ialah kematian, yang merupakan risiko yang berterusan. Demikian juga dalam kejadian kemalangan di mana risiko kerugian adalah pasti di mana setiap penumpang yang terbabit dalam kemalangan misalnya, terdedah kepada risiko kehilangan nyawa atau cacat anggota. Tidak seperti penjudi, penumpang atau pemilik kenderaan bukan sengaja membahayakan dirinya dengan mencari kemalangan yang akan

³⁹ Ibid., hal. 442.

⁴⁰ Ibid., hal. 442.

melibatkan kerugian kewangan. Di dalam kes ini, kemungkinan berlakunya risiko akibat kerugian kewangan sentiasa ada, tidak kira sama ada mereka telah dilindungi oleh insurans ataupun tidak.⁴¹

Katanya lagi motivasi kewangan bagi amalan perjudian adalah didorong oleh laba daripada sesuatu kemenangan. Manakala dalam kes insurans ia dikaitkan dengan keinginan untuk mendapatkan perlindungan daripada menanggung kerugian yang berpunca daripada kebimbangan berlakunya bencana atau kemalangan.⁴²

Menurutnya, wang premium yang hangus bukannya satu kerugian tetapi adalah suatu kos. Sebaliknya wang yang lenyap di dalam perjudian adalah kerugian yang nyata.⁴³

Dalam konteks ini Siddiqi telah menjelaskan perbezaan di antara risiko yang dihadapi oleh penjudi dan mereka yang terlibat dalam kehidupan biasa di mana penginsurans cuba mendapatkan nilai kos, dengan menggunakan hukum kelompok (*law of large numbers*), manakala perjudian sebenarnya mengubah sistem biasa yang berasaskan kerja dan ganjaran serta dapat memudaratkan persamaan pembahagian

⁴¹ Siddiqi, Muhammad Nejatullah, *Insurans Dalam Ekonomi Islam*, terjemahan Ilyas Ismail, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hal. 17-18. Sebenarnya isu kontroversi yang paling penting ialah sama ada insurans melibatkan perjudian. Mereka yang berpendapat demikian telah memetik definisi yang diutarakan oleh ulama fiqh sebelumnya, namun beberapa penulis seperti al-Zarqā, Ali al-Khafīf, 'Aṭṭār, 'Awwād dan Tahāwī telah menjelaskan perbezaan di antara insurans dan perjudian.

⁴² Ibid., hal. 18.

⁴³ Ibid., hal. 21.

pendapatan dan kekayaan, berbanding dengan insurans yang melindungi kehancuran yang mungkin terjadi secara tidak sengaja atau kejadian yang di luar kawalan manusia.⁴⁴

Dorfman pula menyatakan judi mencipta risiko yang tidak wujud sebelum itu, sedangkan insurans mengurangkan risiko. Menurut beliau, insurans untuk melindungi kerugian perjudian adalah tidak munasabah dari segi ekonomi.⁴⁵

Barou tidak bersetuju dengan pendapat di atas dan mengatakan perniagaan insurans perdagangan adalah menyerupai perjudian dan syarikat insurans pula serupa dengan bank pertaruhan yang menerima premium daripada pihak yang diinsurans dan membuat bayaran ganti rugi apabila berlakunya kerugian, risiko atau kematian. Kebanyakan ahli ekonomi mengakui bahawa insurans perdagangan ialah satu bentuk perjudian atau spekulasi dan tidak boleh dipertimbangkan dalam ruang lingkup aktiviti-aktiviti koperasi.⁴⁶

Di tahun-tahun permulaan amalan insurans, polisi-polisi insurans tidak ada bezanya dengan pertaruhan kerana pihak pedagang tidak mempunyai perlindungan peribadi. Dengan termaktubnya Akta Insurans Perkapalan 1745, keperluan bagi kepentingan insurans telah diasaskan berkaitan dengan kapal-kapal atau kargo.

⁴⁴ Lihat juga Siddiqi, Muhammad Nejatullah, *Pemikiran Ekonomi Islam: Satu Tinjauan Penulisan Semasa*, penterjemah Muhammad Amin Abdullah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 38.

⁴⁵ Dorfman, Mark. S., *Pengenalan Kepada Insurans*, terjemahan Zein Isma Ismail et al., Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hal. 25.

⁴⁶ Barou, N., *Co-operative Insurance*, Sweet & Maxwell, London, 1936, hal. 43.

Pertaruhan masih dibuat atas nyawa orang yang masyhur sehingga menjadi satu skandal awam dan telah dihapuskan oleh Akta Insurans Nyawa 1774.⁴⁷

Afzalur Rahman pula telah menyenaraikan ciri-ciri persamaan di antara insurans dan perjudian:

- a. Jumlah yang dipertaruhkan (atau yang diinsuranskan) dibayar kembali (dalam bentuk bayaran gantirugi) kepada pihak yang bertaruh (atau yang diinsuranskan). Perkara ini wujud di dalam insurans perdagangan dan pertaruhan.
- b. Apabila tidak berlaku sebarang kejadian yang membawa kepada risiko kerugian, tidak ada satu senpun yang dibayar kembali kepada pihak yang bertaruh (atau pihak yang diinsuranskan).
- c. Bagaimana hasil pertaruhan dalam kes perjudian (dan hasil bencana dalam kes insurans perdagangan) berlaku dan siapa yang akan menang, sama ada pihak yang bertaruh (dan pihak yang diinsuranskan dalam kes insurans perdagangan) atau agen (atau syarikat insurans) tidak dapat ditentukan.

⁴⁷ Catchpole, W.L., *Business Guide to Insurance*, Heinemann Educational, London, 1974, hal. 141.

- d. Wang premium dalam asuransi perdagangan sama dengan wang pertaruhan dalam perjudian dari segi undang-undang.
- e. Keuntungan pihak agen dalam perjudian (syarikat yang mengendalikan perniagaan judi) dan syarikat asuransi selalunya pasti tetapi keuntungan pihak yang bertaruh atau pihak yang diinsuranskan biasanya belum tentu, boleh jadi rugi atau untung.⁴⁸

Judi yang diharamkan oleh Syariah akan dibincangkan di dalam bab 3, iaitu mengenai asuransi menurut undang-undang Islam.

Menurut Afzalur Rahman lagi, pihak yang diinsuranskan mungkin membayar wang premium bertahun-tahun lamanya tanpa berlaku sebarang kejadian dan tidak mendapat apa-apa sebagai tukaran kepada wang premiumnya.⁴⁹

Menurut Holder, disebabkan kejadian risiko yang akan berlaku itu tidak pasti, pihak yang diinsurans tidak dapat mengetahui berapa kali dan berapa banyak wang premium yang perlu dibayar sebelum berlakunya bencana. Ini bermakna perkara tersebut berdasarkan nasib semata-mata seperti berjudi atau pertaruhan.⁵⁰

⁴⁸ Lihat Afzalur Rahman, *op. cit.*, hal. 123-124.

⁴⁹ *Ibid.*, hal. 125.

⁵⁰ Holder, E. A., *op. cit.*, hal. 26.

Perolehan keuntungan berlebihan di dalam industri insurans melalui perjudian dan pertaruhan yang beroperasi di negara-negara di dunia ini dapat dinyatakan seperti angka-angka di bawah:

- a. Syarikat Insurans Refuge telah mengeluarkan 9,322,336 polisi antara tahun 1906 hingga 1918 dan daripada jumlah itu sebanyak 6,426,314 polisi telah luput tempoh. Ini bermakna wang premium daripada polisi-polisi luput tempoh itu menjadi milik syarikat dan peserta insurans kehilangan wang mereka begitu sahaja.⁵¹
- b. Satu jumlah luput tempoh yang besar telah dibongkar oleh B. Janner pada tahun 1934, di mana beliau berkata dalam masa 14 tahun sebelumnya, hampir 100 juta polisi telah luput tempoh di England dan pemegang-pemegang polisi kerugian hampir 100,000 Pound. Keuntungan syarikat-syarikat berkenaan pula ialah 777,468,183 Pound; perbelanjaan pentadbiran dan dividen pemilik saham berjumlah 314,984,599 Pound. Pemegang-pemegang polisi pula menerima 271,559,864 Pound sahaja dan tabung-tabung faedah meningkat ke angka 215,000,000 Pound. Dividen kepada pemilik-pemilik saham bertambah lebih dari dua kali ganda dalam tempoh tersebut.⁵²

⁵¹ Barou, N., *op. cit.*, hal. 53-56.

⁵² *Ibid.*, hal. 57.

- c. Daripada jumlah 23,500,000 polisi yang dilanggan pada tahun 1929 di Amerika Syarikat, 2,441,000 adalah serahan dan tuntutan dan 6,523,000 pula luput tempoh.⁵³

Sejumlah besar polisi luput tempoh ini menonjolkan kesengsaraan dan kerugian yang dialami oleh pihak-pihak yang diinsurans. Dengan kata lain, perniagaan insurans berkembang dengan cara menindas orang lain melalui perjudian dan pertaruhan yang diamalkan oleh syarikat-syarikat insurans.

Walaupun penubuhan insurans adalah di atas dasar tolong menolong dan merengankan beban kewangan dan penderitaan akibat kerugian harta benda dan jiwa, tetapi dengan berkembangnya perdagangan dan ekonomi dunia, kaum pemodal di Eropah dan Amerika mula melaburkan wang mereka di dalam bidang perniagaan ini. Insurans mula menjadi satu cabang perniagaan komersil yang bermotifkan keuntungan dan menjadi sumber kekayaan kepada segelintir manusia. Apabila penjajahan mencengkam negara-negara umat Islam, syarikat-syarikat insurans meluaskan operasi mereka di negara-negara jajahan bukan atas dasar menunaikan risalah kemanusiaan, tetapi bermotifkan keuntungan dan monopoli. Insurans diwujudkan berdasarkan sistem kapitalis, dan sistem kapitalis tidak bermotifkan pertolongan sesama manusia. Kalau adapun pertolongan ia hanyalah menguntungkan pihak kapitalis sahaja. Demikian juga wang caruman pihak yang diinsuranskan akan menjadi hak milik syarikat dan syarikat

⁵³ Ibid., hal. 60.

bebas melabur dan membelanjakannya di mana sahaja. Dalam hal ini tidak wujud pertolongan di atas pengertiannya yang sebenar.⁵⁴

Lord Keinz berkata syarikat-syarikat insurans sepatutnya diarahkan supaya mengalakan pelaburannya ke dalam bidang-bidang yang boleh memberikan perkhidmatan masyarakat atau *social needs*, bukannya meraih keuntungan semata-mata.⁵⁵

Kesimpulannya insurans sukar untuk dibezakan dengan pertaruhan dari segi luarannya. Akta Insurans Nyawa 1774 dan Akta Judi 1845 yang diwujudkan pada kurun ke 18 dan ke 19 tenggelam di dalam kemelut masalah jaminan dan kepentingan untuk insurans, dan gagal menghapuskan amalan perjudian dan pertaruhan. Akta-akta tersebut tidak mengesahkan dan tidak pula menegah amalan-amalan itu, tetapi sekadar membatalkan kewujudannya di dalam kontrak, padahal semua kontrak termasuklah insurans, perjudian atau pertaruhan, jika selari dengan prinsip *Common Law of England*, dianggap sah di sisi undang-undang. Jumlah polisi luput tempoh yang begitu besar seperti yang telah ditunjukkan merupakan contoh yang terang bagaimana pemegang-pemegang polisi ditindas, sedangkan keuntungan mencurah masuk ke dalam saku syarikat-syarikat insurans. Kebanyakan pihak yang diinsuranskan gagal mendapatkan kembali wang premium mereka atau terpaksa membiarkan sebahagian atau semua wang premium mereka dirampas, sedangkan kejadian habis tempoh bukan dalam kawalan mereka. Ini

⁵⁴ Al-Dusūqī, Muhammad al-Sayyid, *al-Ta'mīn wa Mawqif al-Shari'ah minh*, al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyah, Kaherah, al-Kitāb al-Thāmin, 1967M/1387H, hal. 51-52.

⁵⁵ Jamāl al-Dīn Sa'id (Prof), *Al-Nazariyah al-'Āmmah baina al-Ra'sumāliyah wa al-Ishtirākiyah*, Lujnah al-Bayān al-'Arabī, Kaherah, 1962, hal. 504.

⁵⁶ Jamāl al-Dīn Sa'id (Prof), *Ḥatmiyat al-Ḥall al-Ishtirāki wa Ta'mīn al-Masārif wa Sharikāt al-Ta'mīn*, al-Majlis al-A'lā li al-Shu'ūn al-Islāmiyah, Kaherah, t.t. hal. 34.

menunjukkan bahawa perjudian atau pertaruhan adalah intipati insurans dan tidak ada akta yang berjaya membasmi amalan ini.